



Terbalikkan bot demi cabaran banjir

45 anggota bomba Kelantan ikuti latihan menyelamatkan



Saya sukakan cabaran, lagipun sudah ada asas sedikit sebanyak berkaitan menyelamatkan mangsa banjir. Menerusi kursus ini, saya boleh mantapkan lagi kemahiran"

Ana Wansuhana Abdul Rahim, Peserta



Sebahagian 45 peserta melakukan teknik menyelamatkan mangsa di dalam air.



Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Berdepan keadaan tidak terduga, sekali gus mengundang kejadian lebih teruk, menyebabkan fungsi pasukan bomba dan penyelamat sentiasa penting.

Operasi menyelamatkan mangsa banjir pada waktu malam adalah antara tugas yang mencabar, terutama apabila penugasan dilakukan dalam keadaan gelap.

Anggota bomba bukan sahaja harus cekap menangani keadaan, sebaliknya mereka perlu mahir dalam mengendalikan bot penyelamat.

Menyadari hakikat itu, 45 anggota dari semua balai bomba dan penyelamat (BBP) seluruh Kelantan mengikuti Kursus Pengendalian Pemanduan Bot Menyelamat di BBP Pengkalan Kubor, Tumpat, baru-baru ini.

Kursus tiga hari bermula 10 September lalu itu merangkumi teori serta praktikal yang dijalankan di sepanjang Sungai Golok bermula dari Pengkalan Kubor sehingga Rantau Panjang.

Ketua Cawangan Logistik Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Penolong Kanan Penguasa Bomba Che Fauzi Che Omar, berkata dari segi teori, peserta berpeluang mengenali jenis bot, enjin, komponen bot, cara penggunaan tali untuk menyelamatkan dan cara melabuhkan

bot.

"Pada hari kedua, bermulalah cabaran untuk anggota menyesuaikan diri dalam keadaan sebenar jika terabit dalam operasi menyelamatkan.

"Bukan sahaja diberi peluang memandu bot penyelamat, peserta juga diajar teknik mengelak halangan, membuat pusingan 360 darjah dan 'pusingan 8'. Sebanyak tujuh bot digunakan sepanjang kursus.

Sesi 'water confident'

"Peserta juga didedahkan mengenai cara menyesuaikan diri dalam air iaitu menerusi sesi 'water confident' yang mana anggota memantapkan skil menyelamatkan diri sekiranya terjatuh dari bot sementara menunggu pasukan penyelamat tiba," katanya ketika ditemui di sini.

Teknik menghadapi kejadian yang tidak terduga turut dimasukkan dalam sesi kursus iaitu teknik pemanduan satu hala, cara menangani bot terbalik dan kaedah memindahkan mangsa banjir ketika bot masih bergerak.

Menjelang malam, peserta didedahkan pengalaman mengendalikan bot dalam situasi sebenar dan ia dilakukan di sekitar Sungai Golok, Rantau Panjang.

Che Fauzi berkata, sesi itu sangat penting kerana negara kini sudah menghampiri musim tengkujuh.

Lihat muka 56